

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING  
(STAMPIN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pelaburan ataupun peruntukan kepada Khazanah sejak tahun 2000. Senaraikan sumber pelaburan/peruntukan serta jumlah yang dilaburkan/peruntukan dan juga prestasi Khazanah daripada segi ROI (Return of Investment). Adakah Employees Provident Fund (EPF) terlibat dari segi pelaburan/peruntukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemegang saham Khazanah

iaitu Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah menyuntik sejumlah RM3.6 bilion dalam bentuk ekuiti ke dalam Khazanah mulai tahun 2004.

Selain itu, Khazanah juga telah menerima sejumlah RM484 juta dalam bentuk geran Kerajaan bagi memudahkan projek pembangunan yang akan menjadi pemangkin ekonomi tempatan, termasuk projek-projek di Iskandar Malaysia, pelaksanaan Skim Pengurusan Kebolehpasaran Siswazah (GEMS), Yayasan PINTAR dan Yayasan SEJAHTERA.

Dari segi prestasi, Nilai Bersih Dilaraskan (NWA) Khazanah, yang merupakan satu ukuran nilai diwujudkan dalam portfolio, telah meningkat daripada RM33.3 bilion pada 14 Mei 2004 kepada RM103.5 bilion pada 31 Disember 2013 atau pertumbuhan kira-kira 12.5 peratus setiap tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak mempunyai pegangan saham dalam Khazanah. Walau bagaimanapun, Khazanah ada menerima kemudahan pinjaman daripada KWSP secara asas urus niaga tulus (*arm's length basis*).